

Pembentangan akhir ketua audit Negara 1MDB esok ditangguh, kata pengerusi PAC
Malaysian Insider
Dec 16, 2015

Laporan Akhir Ketua Audit Negara terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dijangka dibentangkan esok kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) ditangguhkan berikutan proses kemas kini.

"Laporan akhir itu ditangguhkan kerana perlu proses kemas kini," kata Pengerusi PAC Datuk Hasan Arifin, hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan tarikh baharu bagi pembentangan laporan itu.

Sebelum ini, Hasan dilaporkan berkata Laporan Akhir Ketua Audit Negara terhadap 1MDB dijangka dibentangkan kepada PAC pada 17 Disember.

Beliau dipetik berkata PAC juga akan memanggil Pengerusi 1MDB Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin untuk memberi keterangan kepada PAC selepas mendengar Laporan Ketua Audit Negara berkaitan 1MDB.

Menurut laporan sebelum ini, PAC dijangka menyiapkan laporan lengkap 1MDB pada Mac 2016.

Sementara itu, Hasan ketika dihubungi mengesahkan PAC akan mengadakan pertemuan semula dengan Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB Arul Kanda Kandasamy pada 9 pagi Jumaat ini seperti dijadualkan.

Pada 1 Disember lepas, Arul Kanda tampil memberi keterangan buat kali pertamanya kepada PAC dan Hasan dilaporkan berkata PAC akan bertemu semula Arul Kanda pada Jumaat untuk memberikan penjelasan lebih lanjut berkaitan syarikat tersebut. – Bernama, 16 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pembentangan-laporan-akhir-ketua-audit-negara-1mdb-khamis-ini-ditangguh-pen>